

105 pelajar UPM terima ANC

BANGI 26 April – Sebanyak 105 orang pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) terpilih sebagai penerima Anugerah Naib Canselor (ANC) UPM ke-10 atas kecemerlangan mereka.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata, pemilihan mereka dibuat setelah dua jawatankuasa menilai sejumlah 237 pemohon yang layak dipertimbangkan bagi menerima anugerah tersebut.

“Mereka yang terpilih ini telah mencapai kecemerlangan dalam akademik dan kurikulum universiti serta memperlihatkan ciri-ciri kepimpinan yang unggul.

“Anugerah ini merupakan satu dorongan kepada pelajar yang akan mengorak langkah untuk bersaing dengan bakal graduan dari institusi lain di alam pekerjaan,” katanya ketika merasmikan majlis tersebut di Hotel Equatorial di sini.

Beliau berkata, penglibatan aktif dalam aktiviti kurikulum dapat mendedahkan pelajar kepada pelbagai potensi diri yang berharga dan mampu menyokong pembangunan intelektual pelajar secara berkesan.

Nik Mustapha berkata,

berkesan.

Nik Mustapha berkata, pihak universiti turut menjemput ibu bapa pelajar berkenaan menghadiri majlis tersebut sebagai penghargaan kejayaan ibu bapa mendidik anak mereka sehingga menjadi pelajar yang cemerlang.

Wakil penerima ANC, Muhamad Asyraf Che Mat, pelajar tahun akhir Sarjana Muda Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling berkata, sokongan ibu bapa, rakan-rakan dan pensyarah banyak membantunya untuk berjaya dengan cemerlang.

“Di sini kami menimba banyak pengalaman seperti kemahiran komunikasi dan menyertai aktiviti

kokurikulum untuk memantapkan diri,” katanya.

Wakil penerima ANC lain, Yom Nurul Akma Abd. Lahsan yang akan menyambung pelajaran ke peringkat sarjana berkata, dia berterima kasih kepada pensyarah yang banyak membantunya semasa berada di UPM.

“Saya akan mendapat ijazah pada bulan Ogos dan akan menyambung pelajaran ke peringkat sarjana pada hujung tahun ini,” katanya.

ANC diberikan kepada pelajar tahun akhir pengajian yang mencapai purata nilaiang gred kumulatif (PNGK) sekurang-kurangnya 2.75 dan tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib.